

28/06/2002

Kewibawaan Abdullah menjamin tradisi kepemimpinan cemerlang

SAMBIL sanjungan terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus mencurahkan dari pelbagai peringkat dan lapisan berikutan keputusannya untuk berundur, pada masa sama tiada kurangnya sokongan dan pengiktirafan terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal bergelar Perdana Menteri dalam tempoh 16 bulan. Tanpa dapat dielakkan - tambahan pula dalam jangka waktu peralihan yang ditetapkan - barangkali ramai yang terdorong untuk membuat perbandingan di antara ketrampilan kedua-duanya. Namun, dalam memberi lebih keadilan, baik kepada Dr Mahathir, lebih-lebih lagi kepada Pak Lah sebagai pengganti, ia tidak harus sama sekali dijadikan sandaran dalam meramalkan hala tuju serta masa depan Umno, Barisan Nasional (BN), kerajaan dan negara.

Memetik ucapan Pak Lah sendiri ketika merasmikan serentak Perhimpunan Agung Wanita dan Pemuda serta Konvensyen Puteri Umno, 18 Jun lalu, seramai 11 juta rakyat atau 45 peratus penduduk negara telah dilahirkan dalam tempoh 21 tahun kepemimpinan Dr Mahathir. Mereka ini bukan saja dilahirkan pada era pasca merdeka, malah hanya mengenali negara di bawah kepemimpinan cuma seorang Perdana Menteri. Mereka juga bukan saja tidak memiliki pengalaman membuat penilaian mengenai perbezaan tahap kemajuan bangsa dan negara sebagaimana dikatakan Pak Lah, malah sebagai menokok ucapannya, tidak pun berkesempatan membandingkan pemimpin yang datang dan pergi. Maka, bukan menghairankan jika keterbiasaan kelompok yang agak besar ini kepada satu-satu pemimpin, diterjemahkan kepada kepercayaan yang tidak berbelah-bahagi.

Dr Mahathir, sepanjang tempoh 21 tahun kepemimpinannya, selayaknya diberi pengiktirafan tertinggi. Negara dan rakyat telah melalui satu proses transformasi yang amat ketara sambil landskap negara dari segi fizikal, sosial, politik dan ekonomi turut melalui banyak perubahan. Kerjasama rakyat berbilang kaum serta asimilasi budaya semakin meningkat manakala sentimen perkauman beransur-ansur dihakis. Dengan ekonomi negara terus berkembang, jurang pengagihan kekayaan semakin dirapatkan serta kadar kemiskinan menurun, Malaysia di bawah kepemimpinan Dr Mahathir tepat sekali dikatakan bukan lagi negara picisan. Hakikat bahawa Malaysia hari ini dilihat sebagai negara contoh dari segi kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan perpaduan rakyat, menjadi bukti nyata terhadap jasa dan pengorbanan beliau.

Tanpa dapat dielakkan juga, persoalan dilontarkan terhadap keupayaan Pak Lah untuk menyusuri susur-galur yang sudah dilalui Dr Mahathir dalam mengangkat martabat negara pada kaca mata masyarakat tempatan dan antarabangsa. Sejarah sebenarnya yang akan dapat menghakimi beliau dengan lebih adil kemudian kerana tidak mungkin perbandingan boleh dibuat di antara seorang pemimpin yang sudah dua dekad mengabdikan diri kepada perjuangan hingga dijulang selaku suara Dunia Ketiga dan pemimpin Islam sederhana hasil kelantangan dan keterbukaannya, dengan seorang pemimpin yang baru hendak bermula.

Sambil perlu diakui bahawa tiada dua pemimpin yang serupa, Pak Lah tanpa dapat disangkal memiliki kewibawaannya sendiri. Barangkali kalau pun beliau cenderung dilihat sebagai kurang menonjol, ia lebih disebabkan Pak Lah sendiri memilih untuk tidak menonjolkan diri. Menepati kepercayaan bahawa pemimpin yang baik banyak bersandar kepada pengikut yang baik juga, beliau selama ini melaksanakan tugasnya sebagai orang nombor dua dengan bersikap lebih berdiplomasi daripada berkonfrontasi. Jauh daripada

menyerlahkan sikap berkenaan sebagai suatu kelemahan, ia sebenarnya adalah juga ciri-ciri kekuatan seorang bakal pemimpin yang amat teliti agar tidak mendahului waktunya - hingga Dr Mahathir sendiri tanpa ragu-ragu menamakannya sebagai pengganti.

Baik dari segi latar belakang, pengalaman mahupun kekananan, tidak wujud sebarang keraguan bahawa Pak Lah adalah pilihan paling tepat dalam kesinambungan kepemimpinan parti dan kerajaan. Berkelulusan dalam pengajian Islam yang disusuli pengalaman selaku kakitangan awam, imejnya yang disenangi ramai turut menyaksikan sokongan kuat terhadapnya di peringkat akar umbi. Jatuh bangunnya dalam Umno selain pelbagai portfolio, termasuk pendidikan, pertahanan, luar negara dan dalam negeri yang dipegangnya dalam Kabinet Dr Mahathir sebelum diangkat sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1999, lebih daripada memadai dalam mempersiapkan dirinya untuk mengambil alih teraju kepemimpinan. Sekalipun dilihat berperawakan lembut, ketegasannya dalam menangani isu berkaitan keselamatan dalam negara dan ketenteraman awam menyerlahkan sikap berlawanannya yang tidak akan mudah dilentur, apatah lagi untuk diperkotak-katikkan.

Barangkali juga dalam mendepani cabaran Pas yang mengalami perubahan kepemimpinan, Pak Lah adalah jawapan terbaik. Pendekatan beliau yang berbeza harus memberi `advantage' kepada Umno yang seharusnya mengambil iktibar daripada pilihan raya umum 1999 dalam menerapkan persefahaman lebih baik bagi memperjuangkan perkara-perkara yang membabitkan kepentingan bersama. Dikenali selama ini sebagai `pemain berpasukan', Pak Lah boleh diyakini akan meniti landasan yang sudah dibina oleh Dr Mahathir untuk terus memacu Malaysia sebagai sebuah negara moden dan progresif. Dalam menghampiri waktunya kini - tanpa sedikit pun mendahului masanya pada masa lalu - sokongan tidak berbelah-bahagi sebagaimana ditunjukkan Majlis Tertinggi Umno dan Dewan Tertinggi Barisan Nasional terhadap Pak Lah seharusnya dicontohi dalam meneruskan tradisi kepemimpinan cemerlang lagi disegani.

(END)